

Bil. 2

Selasa

14 Julai 2020



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Isu Peningkatan Kelengkapan Seksyen K-9 JSJ PDRM
Kedah**
 - *YB. Tuan Chan Ming Kai (Alor Setar)* [Halaman 1]

- **Penyelenggaraan Balai dan Kwarters Pasukan Polis
di Bukit Bendera**
 - *YB. Tuan Wong Hon Wai (Bukit Bendera)* [Halaman 4]

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA
Selasa, 14 Julai 2020**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

Isu Peningkatan Kelengkapan Seksyen K-9 JSJ PDRM Kedah

2.34 ptg.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya ingin menarik perhatian pihak kementerian ke atas keperluan untuk mempertingkatkan kelengkapan dan fasiliti Seksyen K-9 di seluruh negara, khususnya negeri Kedah.

Untuk makluman Menteri, corak jenayah semakin berubah maka kelengkapan untuk mengesan dan mencegah berlakunya jenayah juga perlu dipertingkatkan. Pasukan Seksyen K-9 memberi sumbangan yang amat besar dalam pengesanan bahan letupan, dadah dan siasatan jenayah. Di Seksyen K-9 Bukit Kayu Hitam, terdapat hanya seekor anjing K-9 bertugas pengesanan bahan letupan, tiga ekor untuk tujuan narkotik dan empat ekor untuk siasatan jenayah.

Yang Berhormat Menteri, Seksyen K-9 terbukti berjaya dalam menjalankan tugas. Maka dalam keadaan suasana jenayah yang semakin teruk, Seksyen K-9 juga harus dipertingkatkan dari segi latihan, bekalan dan fasiliti. Akan tetapi Seksyen K-9 yang sedia ada contohnya di Bukit Kayu Hitam didapati bangunan uzur dan kurang selenggara, keadaan penginapan dan kenderaan pengangkutan anjing K-9 dalam suasana yang agak kurang selesa.

Minta Menteri menyatakan sejauh mana peruntukan disediakan dalam mempertingkatkan fasiliti bangunan dan kenderaan bagi kegunaan Seksyen K-9 di seluruh Malaysia dan khususnya di Kedah. Memandangkan Malaysia akan menganjurkan sidang APEC pada tahun ini, maka keperluan khidmat K-9

semakin berat tetapi terdapat agak kurang kapasiti, khususnya K-9 yang bertugas dalam pengesanan bahan letupan. Apakah perancangan pihak kementerian dalam mempertingkatkan khidmat dan persiapan tersebut.

Berapakah peruntukan yang telah disediakan atau disalurkan untuk tujuan persiapan kelengkapan K-9 sejak beberapa tahun yang lalu. Minta pihak kementerian memberi beberapa contoh kejayaan Seksyen K-9 yang menjustifikasikan peranan unit ini serta apa jenis penghargaan yang telah diberi kepada anjing K-9 yang telah menyumbang kepada masyarakat. Apakah prosedur persaraan bagi anjing khidmat K-9 dan bagaimana kebajikan mereka dijaga selepas sekian lama berkhidmat dan berkorban demi negara. Sekian, terima kasih.

2.36 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ahli Parlimen Alor Setar.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia sentiasa memberi perhatian ke atas keperluan untuk mempertingkatkan fasiliti bangunan dan kenderaan serta keupayaan Unit K-9 Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) PDRM di seluruh negara. Beberapa langkah telah diambil oleh PDRM bagi menaik taraf fasiliti dan keupayaan Unit K-9. Ia termasuklah menaik taraf bangunan uzur, kekurangan kenderaan Seksyen K-9 dan kekurangan kelengkapan peralatan latihan anjing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini terdapat sembilan ekor anjing K-9 yang bertugas di Seksyen K-9 Bukit Kayu Hitam. Daripada jumlah tersebut, seekor anjing K-9 bertugas sebagai pengesan bagi bahan letupan, empat ekor untuk tujuan narkotik dan empat ekor lagi untuk siasatan jenayah.

Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin 2020, PDRM telah diperuntukkan sebanyak RM50,171,800 bagi pembaikan kecil dan penyelenggaraan bangunan dan fasiliti PDRM di seluruh negara. Bagi Seksyen K-9 JSJ di Kedah, peruntukan sebanyak RM938,800 telah disediakan yang merangkumi kerja-kerja pembaikan, penyelenggaraan sivil bernilai RM488,800 dan kerja-kerja pembaikan bagi mekanikal dan *electrical* bernilai RM450,000. Kerja-kerja pembaikan ini telah bermula sejak 14 Jun 2020 dan dijangka siap pada bulan Oktober 2020.

Fasiliti PDRM terutamanya bagi Unit K-9 sememangnya ada yang uzur. Pada masa ini hanya Seksyen K-9 di Sungai Petani, KLIA, Seremban,

Kuantan, Kota Kinabalu dan Lahad Datu mempunyai bangunan baharu. Sejumlah RM18,400 telah disediakan bagi kerja-kerja pembaikan kecil di Seksyen K-9 Bukit Kayu Hitam. Seksyen-seksyen yang lain termasuk di Ibu Pejabat Unit K-9 (D6B) JSJ dan Seksyen K-9 Bukit Kayu Hitam masih menggunakan bangunan lama dan uzur. PDRM juga sedang mengenal pasti kerosakan dan melakukan semakan untuk kerja-kerja baik pulih bangunan yang uzur di semua Seksyen K-9 di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah kekurangan kenderaan Unit K-9, KDN telah meluluskan perolehan 39 buah kenderaan baharu jenis Toyota Hilux dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Kesemua kenderaan ini akan diagihkan ke semua Seksyen K-9 termasuk dua buah kenderaan bagi Seksyen K-9 di Bukit Kayu Hitam, selewat-lewatnya pada hujung tahun 2020. Kenderaan ini bertujuan untuk digunakan sebagai pengangkutan khas anjing sahaja. Untuk isu kekurangan kelengkapan peralatan latihan anjing pula, perkara ini sememangnya dalam tindakan PDRM.

■1440

Bagi Seksyen K-9 Bukit Kayu Hitam, sejumlah RM48,150 telah diperuntukkan bagi tahun 2020. Selain itu, pada masa ini PDRM telah membelanjakan sejumlah RM2,555,628.50 dari tahun 2018 hingga tahun 2020 bagi tujuan pembekalan makanan, ubat-ubatan dan rawatan perubatan untuk kesemua Seksyen K-9 termasuk di Bukit Kayu Hitam.

KDN melalui PDRM mengambil maklum mengenai kepentingan khidmat K-9 semasa penganjuran mana-mana persidangan antarabangsa yang dianjurkan oleh negara. Khidmat K-9 sememangnya diperlukan bagi pengesanan bahan letupan demi menjaga keselamatan penganjuran persidangan yang diadakan. Untuk penganjuran kemuncak persidangan APEC 2020, bantuan penugasan K-9 yang berupaya mengesan bahan letupan akan disediakan oleh PDRM. Pada masa yang sama, Seksyen K-9 akan disediakan di bangunan kuarters lama Pasukan Polis Marin Pulau Langkawi khusus untuk penganjuran kemuncak ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM3 juta di bawah Peruntukan Pembangunan RMKe-11 *Rolling Plan 3* (RP3) tahun 2018 bagi melaksanakan perolehan pembekalan 75 ekor anjing bagi Seksyen K-9 JSJ PDRM di seluruh negara. Status pembekalan anjing ini telah selesai sepenuhnya pada tahun 2019. Tidak dinafikan Seksyen K-9 telah memberikan kejayaan kepada operasi PDRM. Antara contoh kejayaan Seksyen K-9 Bukit Kayu Hitam adalah seperti berikut:

- (i) berjaya menjumpai sebilah pisau yang digunakan oleh suspek untuk menikam anggota polis yang sedang bertugas di Perlis;
- (ii) berjaya membantu dalam mengesan dan mengenal pasti bahan bukti bagi kes bunuh di Jitra, Kedah;
- (iii) berjaya membantu menjejaki suspek sejauh 500 meter di sebuah ladang getah yang terlibat pecah rumah di Arau, Perlis; dan
- (iv) berjaya menjumpai lebih kurang 5.7 kilogram daun-daun yang disyaki ketum di Kompleks ICQ Bukit Kayu Hitam.

Oleh itu, PDRM telah menyediakan satu Memorial K-9 khas di Unit K-9 PULAPOL, Kuala Lumpur bagi mengenang hampir 600 khidmat anjing di bawah Seksyen K-9 sejak tahun 1968. Selain itu, pingat kejayaan juga diberikan kepada anjing, manakala pengendalinya diberikan sijil penghargaan.

Anjing-anjing yang telah berusia melebihi 8 tahun dan ke atas dikategorikan sebagai tua dan boleh dibersarakan dari penugasan. Ia akan ditempatkan dalam kandang dengan pemantauan doktor veterinar sehingga ke akhir hayat. Dalam tempoh persaraan ini, kebajikan anjing-anjing sentiasa dijaga dan diuruskan dengan baik termasuk rawatan, pemakanan dan perubatan. Terima kasih.

Penyelenggaraan Balai dan Kuarters Pasukan Polis di Bukit Bendera

2.43 ptg.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan selamat tengah hari juga kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri. Pada kesempatan petang ini, izinkan saya membangkitkan isu yang berkaitan dengan peruntukan untuk pembangunan pasukan polis di bawah Parlimen Bukit Bendera.

Terdapat lima balai polis dan satu Unit Pasukan Simpanan Persekutuan di Parlimen Bukit Bendera iaitu:

- (i) Balai Polis Batu Ferringhi;
- (ii) Balai Polis Tanjong Tokong;
- (iii) Balai Polis Pulau Tikus;
- (iv) Balai Polis Kampung Baru;
- (v) Balai Polis Bukit Bendera; dan

(vi) Pasukan Simpanan Persekutuan Unit 3 (FRU).

Balai dan kuarters untuk anggota polis perlu di selenggara untuk memastikan anggota dapat menjalankan tugas dengan baik dan penuh profesional. Saya ingin memohon maklumat dan maklum balas berikut daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk perkara-perkara di bawah:

- (i) Mohon menyenaraikan jumlah peruntukan pembangunan yang diperolehi oleh setiap satu balai dan unit simpanan di Parlimen Bukit Bendera pada tahun 2018 dan tahun 2019.
- (ii) Apakah usaha berterusan penambahbaikan fasiliti dan kebajikan polis amnya dan di Parlimen Bukit Bendera khususnya.
- (iii) Senaraikan kekuatan anggota polis di setiap balai polis dan unit simpanan serta nisbah polis:penduduk.

Saya memohon supaya Yang Berhormat Menteri dan Kementerian Dalam Negeri dapat memberikan jawapan terhadap setiap satu persoalan yang dibangkitkan di atas. Sekian, terima kasih.

2.45 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ahli Parlimen Bukit Bendera.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri dan Polis Diraja Malaysia telah diluluskan sejumlah peruntukan bagi tahun 2018 dan 2019 mengikut pecahan seperti di bawah:

Bil.	Balai Polis	Peruntukan (RM)	
		2018	2019
1.	Balai Polis Batu Ferringhi	-	19,000.00
2.	Balai Polis Tanjong Tokong	-	19,000.00
3.	Balai Polis Pulau Tikus	-	18,500.00
4.	Balai Polis Kg. Baru	-	40,000.00
5.	Balai Polis Bukit Bendera	-	20,000.00
6.	FRU (Unit 3)	80,000.00	1,320,000.00
JUMLAH		80,000.00	1,436,500.00

Dalam usaha untuk menambah baik fasiliti dan kebajikan polis amnya, pada tahun 2020 PDRM telah diluluskan peruntukan sejumlah RM260,091,800 bagi kerja-kerja naik taraf dan pembaikan seperti berikut:

Perbelanjaan pembangunan:

- (i) pembaikan pejabat dan kuarters berjumlah RM67,520,000;
- (ii) penggantian 41 unit lif (fasa 2) berjumlah RM22,065,000;
- (iii) Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE PRIHATIN) berjumlah RM100,506,800;
- (iv) naik taraf Stor Barang Kes Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik berjumlah RM20,000,000; dan
- (v) naik taraf Stor Barang Kes Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) berjumlah RM20,000,000.

Bagi perbelanjaan mengurus:

- (vi) pembaikan pejabat dan kuarters berjumlah RM30,000,000.

Bagi Parlimen Bukit Bendera khususnya, peruntukan pembaikan yang disalurkan bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM1,257,000 seperti pecahan berikut:

Bil.	Balai Polis	Peruntukan Pembaikan Tahun 2020 (RM)
1.	Balai Polis Batu Ferringhi	50,000.00
2.	Balai Polis Tanjong Tokong	110,000.00
3.	Balai Polis Pulau Tikus	27,000.00
4.	Balai Polis Kg. Baru	80,000.00
5.	Balai Polis Bukit Bendera	-
6.	FRU (Unit 3)	990,000.00
JUMLAH		1,257,000.00

Antara lain, kekuatan pegawai dan anggota polis sedia ada di setiap balai polis di bawah Parlimen Bukit Bendera adalah seperti berikut, ini panjang list nya Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk membekalkan kepada Yang Berhormat Bukit Bendera. Juga jumlah Pasukan Simpanan Persekutuan Unit 3 Pulau Pinang juga panjang list nya. Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk saya membekalkan kepada Yang Berhormat Bukit Bendera.

Untuk makluman juga, PDRM tidak menggunakan kaedah nisbah polis berbanding dengan jumlah penduduk dalam perancangan untuk menambah perjawatan atau mewujudkan daerah polis dan lain-lain balai polis yang baharu. Kaedah ini juga tidak boleh dijadikan panduan memandangkan

struktur organisasi PDRM merangkumi semua penugasan di dalam negara. Sebagai contoh, PDRM mempunyai Pasukan Gerakan Am yang lebih mirip kepada penugasan separa ketenteraan, Cawangan Khas tumpuan kepada penugasan perisikan, Pasukan Gerakan Marin penugasan di perairan negara dan sebagainya.

Keadaan ini berbeza dengan negara lain kerana negara berkenaan mempunyai pasukan polis yang khusus dan elemen penguat kuasa yang tidak diletakkan di bawah pasukan polis negara berkenaan.

Pada masa ini, nisbah anggota polis dengan penduduk tidak memenuhi nisbah yang ditetapkan oleh pihak INTERPOL iaitu seorang anggota polis kepada 250 orang penduduk dan nisbah ini hanya dijadikan rujukan pihak PDRM sahaja. Kaedah yang digunakan oleh PDRM bagi menambah perjawatan dan menambah daerah atau balai-balai baharu di seluruh negara adalah berdasarkan kepada penduduk balai berkenaan serta fungsi dan beban tugas yang dipikul oleh balai berkenaan.

Sehubungan itu, bagi mengatasi perkara ini kementerian akan memohon kelonggaran untuk pengisian pegawai dan anggota PDRM bagi mencapai nisbah yang ditetapkan oleh INTERPOL. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Rabu 15 Julai 2020.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.50 petang]

Maklumat tambahan:

BALAI POLIS (BP)	IBU PEJABAT POLIS DAERAH TIMUR LAUT					
	PULAU TIKUS	KAMPUNG BARU	TANJONG TOKONG	BATU FERRINGHI	BUKIT BENDERA	JUMLAH
PANGKAT	PERJAWATAN					
INSPEKTOR	1	0	1	1	0	3
SUB-INSPEKTOR	1	1	0	0	0	2
SARJAN MEJAR	1		1	1	1	4
SARJAN/SARJAN MEJAR	4	2	2	2	1	11
KOPERAL	25	6	2	2	2	37
KONSTABEL/LANS KOPERAL/KOPERAL	111	39	37	30	15	232
KONSTABEL SOKONGAN/LANS KOPERAL SOKONGAN/KOPERAL SOKONGAN	12	1	0	0	0	13
JUMLAH UNIFORM	155	49	43	36	19	302

PASUKAN SIMPANAN PERSEKUTUAN UNIT 3 PULAU PINANG BERAKHIR PADA 31 MEI 2020	
PANGKAT	PERJAWATAN
SUPERINTENDEN	1
DEPUTI SUPERINTENDEN	1
ASISTAN SUPERINTENDEN POLIS	4
INSPEKTOR	7
SUB-INSPEKTOR	0
SARJAN MEJAR	4
SARJAN / SARJAN MEJAR	21
KOPERAL	68
KONSTABEL / LANS KOPERAL / KOPERAL	218
SARJAN SOKONGAN	0
KOPERAL SOKONGAN	0
KONSTABEL SOKONGAN / LANS KOPERAL SOKONGAN / KOPERAL SOKONGAN	0
JUMLAH PASUKAN SIMPANAN PERSEKUTUAN UNIT 3 PULAU PINANG BERAKHIR PADA 31 MEI 2020	324